

Najib didakwa pancing undi di Machap
Malaysiakini.com
April 10, 2007
Soon Li Tsin

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menjadi sasaran kritikan kerana didakwa memancing undi apabila memperuntukkan RM3.7 juta kepada Felda Tun Ghafar Baba Hutan Percha di Machap semalam.

Najib berada di situ berkempenn untuk calon Barisan Nasional, Lai Meng Choi yang berdepan dengan calon DAP, Liou Chen Kuang dalam pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap Khamis ini.

Pilihanraya Machap diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya, Datuk Wira Poh Ah Tiam pada 15 Mac lalu.

Najib mengumumkan peruntukan itu kepada peneroka felda tersebut di majlis sepetang bersama timbalan perdana menteri.

"Ada ubi ada batas, ada budi boleh balas. Kalau nak balas, balas pada April 12 dan undilah Barisan Nasional," katanya disusuli dengan tepukan gemuruh para hadirin.

Daripada jumlah tersebut, RM3 juta akan digunakan untuk memperbaiki paip bekalan air, RM600,000 untuk pembinaan sebuah dewan pelbagai guna dan RM100,000 lagi untuk memperbaiki masjid di situ.

Dalam reaksinya, badan pemantau pilihanraya bebas dan adil, Mafrel menyifatkan pemberian peruntukan tersebut jelas melanggar kod etika Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

"Beliau secara terus terang meminta undi di majlis tersebut. Beliau sepatutnya menunjukkan teladan (supaya orang lain turut mematuhi kod etika tersebut)," kata Pengerusi Mafrel, Abdul Malek Hussin ketika dihubungi.

Malek juga berkata, Najib boleh disiasat mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 kerana memberi peruntukan kewangan kepada pengundi.

"Tetapi tindakan hanya boleh diambil terhadap beliau jika ada pihak membuat laporan polis supaya siasatan dapat dijalankan," katanya.

Mengikut Seksyen 10(a) akta tersebut, ia adalah satu kesalahan memberi sogokan dan menjanjikan wang atau pertimbangan berharga kepada pengundi.

Hukumannya termasuk penjara tidak melebihi satu tahun dan denda tidak melebihi RM2,000.

'BN paling ampuh'

Malek menegaskan bahawa pilihanraya merupakan persaingan visi politik dan bukannya persaingan untuk menyogok rakyat untuk menang undi.

"Anda tidak boleh menyogok rakyat untuk mengundi anda. Bila mereka dipilih, mereka

terpaksa memberi tender kepada kroni mereka.

“Apa yang anda dapat ialah pembinaan pejabat, makmal sekolah dan jalan yang rendah kualitinya kerana kontraktor terbabit boleh berbuat sesuka hati,” katanya.

Hadiah wangtunai RM100 hingga RM300 turut diberikan kepada peneroka Felde di Machap yang cemerlang dalam penerohan getah, dan tanaman kelapa sawit di majlis tersebut.

Manakala hadiah RM500 hingga RM1,000 diberikan kepada pemenang bagi kategori kampung termegah dan blok paling bersih.

Najib juga menggesa peneroka supaya mengundi dengan bijak dalam memilih calon yang mampu membela nasib mereka dan memastikan masa depan yang cerah.

Dan menurutnya, BN telah terbukti menjadi ‘senjata paling ampuh’ yang boleh digunakan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/65744>